

# 41 nelayan Vietnam ditahan, tiga bot dirampas

UM 23/5/2022 ms: 34

**KUALA TERENGGANU:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) mem-berkas seramai 41 kru dan te-kong warga Vietnam selepas menahan tiga bot nelayan asing itu di perairan negeri ini pada 19 Mei lalu.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander (M) Rashidilhadi Ab. Rashid berkata, buah bot nelayan asing itu ditahan semasa kapal Maritim Malaysia melakukan rondaan bersepadu Op Kuda Laut dan Op Naga Barat kira-kira 123 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Menurutnya, ketiga-tiga bot

terbabit ditahan ketika bergerak secara beriringan antara pukul 10 pagi hingga 10.30 pagi.

Katanya, bot tersebut berjaya dikesan ketika nelayan asing itu baru melabuhkan pukat untuk menangkap ikan.

“Hasil pemeriksaan menda-pati ketiga-tiga bot berkenaan dikendalikan 41 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia antara 21 hingga 44 tahun tanpa dokumen pengenalan diri yang sah.

“Tekong ketiga-tiga bot itu juga gagal mengemukakan se-barang dokumen kebenaran yang sah dan memadamkan

nombor pendaftaran bot,” ka-tanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Rashidilhadi memberitahu, pihaknya juga merampas bot, peralatan menangkap ikan, bekalan diesel lebih kurang 1,500 liter dan hasil tangkapan kira-kira 100 kilogram yang bernilai keseluruhan RM4.5 juta.

“Ketiga-tiga bot dan nelayan terbabit dibawa ke Jeti Pusat Tahanan Vesel, Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut,” ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.



**RASHIDILHADI** Abd Rashid (berdiri, kiri) memeriksa sebahagian hasil laut dalam bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas mencero-boh perairan negeri ini di Kuala Terengganu, semalam.